

**SENI BERTERASKAN KOMUNITI: PEMBERDAYAAN MODAL
SOSIAL MELALUI NILAI-NILAI PERPADUAN SOSIAL DALAM
PROGRAM LENDU *INTERNATIONAL ART CAMP*.**

*(Community-Based Arts: Social Capital Empowerment Through Social Cohesion Values in
Lendu International Art Camp Program)*

Diana Ibrahim, Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff, Yusmilayati Yunos & Rosli Zakaria

ABSTRAK

Seni berteraskan komuniti diasosiasikan sebagai amalan seni berlandaskan gagasan “seni untuk masyarakat”. Bentuk praktis seni rupa ini di upayakan sebagai peranti dalam pengembangan modal sosial masyarakat melalui proses kesenian yang mengarah kepada proses memperdalam perhubungan serta jaringan keterikatan sosial warga terlibat. Kajian ini berfokus kepada menggali potensi yang dimiliki projek seni *Lendu International Art Camp (LIAC)#3* dalam membangunkan serta membina perhubungan dan nilai perpaduan sosial masyarakat dalam kalangan peserta terlibat melalui kegiatan kesenian yang dijalankan. Kajian melibatkan sampel *purposive* dan dianalisis secara deskriptif. Hasil kajian menunjukkan skor min tertinggi adalah “Menjalin Ukhuwah Baharu” dicapai bagi tiga kategori peserta yang terlibat; pelajar (4.56), agensi luar (4.54) dan pengunjung luar (4.45). Manakala dalam kalangan orang kampung, skor min tertinggi adalah “Merapatkan Ukhuwah Antara Warga” iaitu (4.46). Implikasi kajian ini mengemukakan bahawa, kegiatan berorientasi kepada elemen kerjasama, toleransi, kemuafakatan serta kebertanggungjawaban dalam kegiatan yang berteraskan nilai budaya setempat berupaya menarik proses partisipasi khalayak seterusnya membina kepada pertumbuhan nilai perpaduan sosial. Kehilangan nilai estetik-artistik sebagai proses pendekatan dalam membangunkan kegiatan bagi menarik penglibatan peserta turut menjejaskan impak bagi membangunkan jaringan perhubungan serta keterikatan sosial dalam kalangan masyarakat terlibat.

Kata kunci: Seni Komuniti; “Seni Untuk Masyarakat”; Modal Sosial; Perpaduan Sosial; LIAC

ABSTRACT

Community-based art was associated with a practice of “art for society”. This form of art practice is used as a tool in the development of social capital of society through the art process that leads to deepened the social network and the relationship of community involved. This research is focusing on the potential of the *Lendu International Art Camp (LIAC)#3* in developing and also building the relationship and social cohesion among the community through art activities conducted. The research involved purposive sampling and was descriptively analyzed. The result shows that the highest mean score was “Bonding New Relationship” which involved three categories of participants; students (4.56), agencies (4.54) and visitors (4.45), while the highest mean score among the villagers was “Bridging Relationship Between Citizen” with the score of (4.46). The implication of this research suggests that the orientation activities on the elements of cooperation, tolerance, consensus and accountability in activities based on local culture value are able to attract the process of

public participation, thereby building on the growth of social cohesion. In a process of approach, the lost of artistic aesthetic value in developing any activities to attract participations has affected the impact of developing social ties within the communities involved.

Keywords: Community art, Art for society, Social capital, Social cohesion.

PENDAHULUAN

Seni telah di letakkan sebagai satu medium bagi mencapai serta membangunkan pengukuhan perpaduan, pemeliharaan serta pembentukan identiti nasional dalam Kongres Kebudayaan Kebangsaan yang berlangsung pada tahun 1971 berikutan teretusnya rusuhan kaum pada 13 Mei 1969. Melalui kongres ini, maka terbentuklah Dasar Kebudayaan Kebangsaan (DKKK) yang menjadi rujukan kepada para seniman, meliputi keseluruhan bidang seni dalam membentuk serta mengadun kesenian yang berteraskan kepada identiti kebangsaan. Teras bagi pembentukan identiti kebudayaan kebangsaan adalah berlandaskan agama Islam, kebudayaan asli masyarakat rantau ini, serta unsur kebudayaan lain yang tidak melanggar akan rukun negara, asas moral dan kerohanian sejagat. Simon Soon (2013) mengupas, gagasan dalam DKKK yang dibangunkan, diketuai oleh Profesor Ungku A. Aziz mengarah kepada proses perubahan paradigma seniman dari “seni untuk seni” kepada “seni untuk masyarakat” yang dilihat berupaya mengusung semangat dan iltizam kesenian dalam memperkasakan solidariti bagi membentuk sebuah negara yang bersepadu.

Lanjutan penyebaran idealisme “seni untuk masyarakat” yang dibina sebagai manifesto akan arah tuju seni bagi sebuah negara yang baru merdeka dari penjajahan, gagasan ini diupayakan sebagai satu usaha bagi menyemarakkan seni sebagai sebuah media pembedayaan masyarakatnya. Sungguh pun gagasan idealism ini telah di tolak awalnya oleh beberapa kumpulan seniman pada ketika kongres berlangsung, namun gagasan ini secara perlahan telah di serap dalam karya-karya seni rupa pada dekat 70an dan 80an (Safrizal Shahir, 2013; 89). “Seni untuk masyarakat” telah membangkitkan perubahan paradigma dalam medan seni rupa di Malaysia di era seni moden Malaysia. Selain dari membangunkan pengkaryaan yang bersifat komoditi yakni karya seni rupa yang di hasilkan bagi tujuan komersial serta dapat di dagangkan di galeri-galeri seni, seniman yang terdiri daripada pelukis-pelukis yang berkarya dalam medan seni rupa, tidak terkecuali membangunkan bentuk pengkaryaan serta aktiviti kesenian yang menyasarkan penglibatan masyarakat awam melalui program-program yang di jalankan di ruang awam. Penerokaan ruang awam bagi memecah sempadan pengkaryaan seni atas inisiatif seniman bermula di penghujung dekad 1970an secara kolektif telah menyemarakkan medan seni rupa serta melebarkan peranan serta fungsi seni ke atas masyarakat (Nur Hanim Khairuddin 2016).

Inisiatif seniman dan juga kolektif seni melarikan seni ke dalam konteks yang lebih bermakna dengan pelbagai luahan idea serta membentuk naratif baru ke atas seni rupa yang berbeza sifatnya dalam ruang alternatif ini terus bersemarak di pentas seni rupa pada era kontemporari dekat 1990an (Antoinette, 2013;194-209). Namun, fasa 2000 memperlihatkan ruang awam dan ruang alternatif ini mulai bercambah sebagai sebuah *laboratory* seni (Yap Sau Bin 2013) yang dilihat berpotensi menghapuskan sempadan seni, seniman dan masyarakat melalui proses penglibatan atau partisipasi penonton. Masyarakat yang berperanan sebagai penonton seni selama ini diangkat menjadi tunjang dalam proses kerja-kerja seni yang dibangunkan dalam program-program kesenian berteraskan komuniti. Melalui program-program seni berorientasi komuniti ini seniman dilihat tidak bertumpu ke

atas keluhuran serta keindahan objek semata-mata sebagaimana yang berlaku dalam era seni moden. Program-program atau kegiatan seni digarap agar dapat melibatkan penonton atau masyarakat secara menyeluruh, bersama dalam proses seni melalui aktiviti-aktiviti yang melibatkan bengkel seni, wacana seni, seni persembahan, dan pelbagai kegiatan berteraskan budaya setempat di angkat sebagai bentuk seni rupa baru dalam upaya memacu modal sosial sesebuah kelompok komuniti.

Bentuk seni rupa baru yang menumpukan kegiatan berteraskan masyarakat atau komuniti ni menjadi suatu perkara yang menarik kerana telah muncul kesedaran untuk mempersoalkan kedudukan seni, seniman, dan masyarakat dalam wacana seni rupa. Namun, semangat baru yang muncul di kalangan seniman ini seharusnya dinilai semula, kerana tidak keseluruhan kesedaran melakukan aksi penglibatan khalayak ini berpaksi pada persoalan yang tumbuh di dalam masyarakat. Bishop (2012) menyatakan amalan seni yang melibatkan penyertaan atau proses ‘penglibatan’ dari masyarakat dalam konteks seni kontemporari ketika ini di lihat kehilangan sisi artistik-estetiknya dan kekurangan menampilkan isu serta persoalan-persoalan dominan masyarakat seterusnya gagal menarik perhatian media. Walau bagaimanapun, beliau tidak menolak bahawa kerja-kerja seni yang melibatkan ‘partisipasi’ ini berupaya menjadi agen dalam melakukan intervensi sosial ke atas masyarakat yang dilibatkan. Lanjutan itu kajian ini di jalankan bagi mengukur potensi serta keupayaan projek seni berorientasi komuniti *Lendu International Art Camp (LIAC#3)* sebagai landasan “seni untuk masyarakat” yang di upayakan menjana kemanfaatan dari aspek modal sosial, melibatkan jaringan keterikatan sosial atau perhubungan serta perpaduan sosial dalam komuniti yang dilibatkan.

SOROTAN KARYA

Modal sosial merupakan istilah yang dikembangkan oleh pendidik di Amerika Syarikat Lyda Judson Hanifan melalui sebuah kajian “*The Rural School Community Centre*” pada abad ke 20. Menurut Rusydi Syahra (2003) dalam kajian Hanifan (1916:130) mengetengahkan konsep modal sosial yang berteraskan kepada prinsip atau nilai moral seperti berkemahuan baik, rasa persahabatan, saling bersimpati, mempunyai jaringan keterikatan sosial, serta mempunyai kerjasama erat antara warga. Nilai atau prinsip ini merupakan modal sosial yang membentuk sebuah kelompok sosial dalam masyarakat. Lanjutan dari istilah yang di kembangkan Hanifan ini, muncul kemudiannya kajian-kajian sosiologi yang di bangunkan oleh ahli pemikir Perancis seperti Pierre Bourdieu (1986) yang menggariskan modal sosial meliputi semua sumber daya baik yang dimiliki dan diperakui serta diiktiraf secara bersama dalam rangkaian perhubungan sebuah institusi atau kelompok masyarakat.

Namun pendefinisian Robert Putnam (1993:3) berkaitan dengan istilah ini dalam “*Making Democracy Work: Civic Tradition in Modern Italy*” sering dijadikan rujukan serta digunakan oleh ramai sarjana. Putnam menyatakan modal sosial sebagai; *features of social organisation, such as networks, norms, and trust, that facilitate coordination and co-operation for mutual benefit*. Definisi ini merujuk kepada sebuah bentuk organisasi sosial yang merangkumi jaringan, norma dan kepercayaan yang menganjurkan kepada proses koordinasi dan kerjasama dalam mencapai manfaat secara bersama.

Pengembangan modal sosial dan kesejahteraan komuniti telah dikesan sebagai salah satu indikator penting dalam kajian-kajian impak sosial program yang dijalankan bagi mengukur kemanfaatan bagi pogram-pogram seni berorentasi komuniti. Penekakan kepada aspek pembangunan modal sosial ini, banyak diterapkan melalui program-program seni berorentasi komuniti di negara-negara yang terkedepan paradigma seninya meliputi benua Eropah, Amerika dan Asia. Program-program seni berorentasi komuniti dikatakan berupaya

menjadi sebagai peranti dalam pengembangan modal sosial bagi sesebuah kelompok masyarakat (Moriarty 2004; Onyx & Bullen 2000; William 1996). Berdasarkan kajian lepas, nyata pegembelangan modal sosial melalui program seni berorientasi komuniti merupakan satu aset yang penting dibangunkan bagi mengembalikan amalan seni ke jalan sosial. Usaha ini dilihat sebagai upaya bagi mengembalikan seni berfungsi dalam ranah masyarakat.

Pelbagai dimensi modal sosial di gariskan meliputi norma atau nilai seperti kepercayaan, kebersamaan, keyakinan, toleransi, perpaduan serta bentuk perhubungan luar yang terbina atas tujuan pengembangan bersama meliputi aspek sosial, sivik dan ekonomi (Mallonee 2010; Belfiore & Bennett 2008; Reeves 2002; Krempf 2002; Jermyn 2001; Onyx & Bullen 2000; Matarasso 1997; Williams 1997: 1996). Pembangunan modal sosial dikatakan dapat dibentuk melalui program-program seni berorientasi komuniti yang menggalakkan kepada peningkatan keupayaan individu, seterusnya merangsang kepada penyertaan secara bersivik yang membina keupayaan organisasi bagi membentuk tindakan yang berkesan (Guetzow 2002). Guetzow menyatakan hal ini dapat dicapai melalui beberapa strategi antaranya; membangunkan kepercayaan di kalangan warga, menganjurkan kepada penglibatan berkolektif secara efisien dan bersivik, meningkatkan rasa perpaduan dalam komuniti, menawarkan pengalaman pembelajaran secara teknikal dan kemahiran interpersonal, melebar luas jaringan sosial warga dan mewujudkan jaringan kerjasama secara meluas antara organisasi dan pentadbir. Keenam-enam elemen ini dilihat sebagai indikator terpenting yang perlu diwujudkan dalam program-program berorientasi komuniti bagi merangsang kepada jaringan keterikatan sosial seterusnya menumbuhkan modal sosial sesebuah masyarakat atau komuniti.

Salah satu indikator penting yang sering dijadikan landasan dalam pengukuran ke atas impak-impak sosial yang ditemui dalam program seni berteraskan komuniti adalah bersangkutan dengan memupuk nilai perpaduan sosial atau integrasi sosial dalam kalangan komuniti yang dilibatkan. Matarasso (1997) menyatakan nilai perpaduan sosial memaparkan penilaian ke atas aspek penyatuan kerjasama, sikap tolak ansur antara penduduk setempat mahu pun orang luar, serta membangun ikatan ukhuwah melalui aktiviti-aktiviti yang menengahkan nilai budaya, adat atau apa-apa perkara berkaitan dengan komuniti. Health Development Agency (2000) turut menggariskan indikator perpaduan sosial yang meliputi ciri-ciri keselamatan sosial, pemulihan pesalah, menjalinkan kenalan, meningkatkan hubungan persahabatan serta meningkatkan kenalan yang mempunyai budaya yang berlainan sebagai ciri-ciri teras pengukuran ke atas kerja-kerja seni berteraskan komuniti menerusi kajian impak ke atas aspek kesihatan dan kesejahteraan masyarakat.

Mallone (2010) turut menggariskan usaha bagi menggalakkan kepada jaringan perhubungan sosial melalui aktiviti yang dapat meningkatkan kualiti kehidupan melalui jaringan bersama antara individu, keluarga mahupun masyarakat merupakan ciri-ciri bagi aspek peningkatan sosial yang digariskan sebagai salah landasan ukuran akan pemeraksanaan masyarakat dalam konteks pembangunan dan pemulihan komuniti selain dari aspek ekonomi, persekitaran dan kebudayaan. Penggalakan dalam penjanaan modal sosial yang tertumpu pada keupayaan membina perhubungan serta penggalakan kepada proses mengintegrasikan kelompok masyarakat mahupun komuniti sangat dihubungkan dengan tahap penglibatan masyarakat ke atas program-program seni yang di rencanakan. Lee (2013) menyatakan proses penglibatan yang dibangunkan melalui kerja-kerja seni secara kolaboratif, kewujudan interaksi peringkat tertinggi yakni bersama dengan pemimpin masyarakat dengan jalinan perhubungan yang menolak kepada hierarki serta perkongsian secara bersama dalam suasana yang tidak formal dapat membina pengukuhan ikatan antara warga sama ada dalam kelompok yang sama mahu pun berlainan.

Menerusi kajian-kajian terdahulu ini, jelas menunjukkan program-program seni berorientasi komuniti sering di upayakan sebagai satu medium berkesan bagi penjana modal sosial masyarakat. Pelbagai garis indikator pengukuran terutamanya dari aspek membangun jaringan keterikatan sosial yang membabitkan sama ada modal sosial pengikat yakni *'bonding social capital'* yang melibatkan bentuk perhubungan dalam kelompok yang sama, serta *'bridging social capital'* yakni merapatkan modal sosial iaitu melibatkan rangkaian perhubungan yang melibatkan bukan dalam kalangan kelompok yang sama (Robert Putnam, 1993). Kedua-dua jaringan keterikatan sosial tersebut secara dasarnya telah menjadi indikator penting sebagai landasan pengukuran akan impak ke atas program-program seni berorientasi komuniti. Pengukuran aspek ini dilihat penting kerana menurut Putnam dengan wujudnya modal sosial yang mampan melalui jaringan keterikatan sosial yang baik akan dapat melenyapkan jurang pemisah dalam kelompok yang berbeza pandangan serta ideologi. Maka, kerjasama atau perpaduan sosial yang terbentuk menerusi nilai kepercayaan yang lahir menerusi komunikasi berkesan, akan membangunkan sebuah kelompok masyarakat yang mempunyai nilai pemberdayaan yang tinggi serta baik.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan dengan pendekatan kuantitatif melibatkan satu bentuk kajian tinjauan. Kajian mengguna pakai instrumen soal selidik bagi mengukur maklum balas peserta ke atas program yang dijalankan. Kajian rintis telah dijalankan pada hari berlangsungnya projek seni LIAC#3 iaitu pada 28 Disember 2016, bertempat di Kampung Durian Daun dan Durian Daun Barat di kawasan DUN Lendu, Masjid Tanah Melaka. Kajian ini menggunakan sampel *purposive*. Sampel ini digunakan berdasarkan pemilihan daripada satu kumpulan subjek sebagai responden yang mempunyai ciri-ciri tertentu dan bersesuaian dengan sasaran kajian. Sampel kajian melibatkan seramai 189 responden yang dibahagikan kepada empat kategori iaitu; orang kampung, pelajar, agensi luar serta pengunjung luar yang terlibat secara langsung dalam program LIAC#3.

Data yang diperoleh menerusi instrumen soal selidik dianalisis dengan menggunakan perisian IBM SPSS versi 23. Data yang diperoleh dianalisis berdasarkan statistik diskriptif iaitu kekerapan peratus, purata 'min' serta sisihan piawai. Soal selidik ini terdiri daripada lima bahagian merangkumi bahagian A yang melibatkan data demografi peserta, bahagian B minat dan kesedaran, bahagian C aspek pembangunan peribadi dan pengetahuan, bahagian D aspek perhubungan dan perpaduan sosial, bahagian E aspek pemberdayaan masyarakat & kawasan dan bahagian F aspek impian dan imaginasi. Kajian ini bertumpu kepada bahagian D yang melibatkan pemboleh ubah bagi indikator 'perpaduan sosial' sahaja. Pengukuran dapatan diperoleh menerusi skala darjah persetujuan iaitu 1 untuk Sangat Tidak Setuju, 2 Tidak Setuju, 3 Sederhana Setuju, 4 Setuju, dan 5 Sangat Setuju. Data yang diperoleh telah dijalankan ujian kebolehpercayaan dengan skor Cronbach's Alpha 0.88

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Kajian ini bertumpu kepada program seni berorientasi komuniti yang dibangunkan oleh kumpulan Artis Gomen. Kumpulan ini merupakan antara kumpulan seniman yang bergiat aktif dalam menganjurkan program-program seni berorientasi komuniti semenjak tahun 2012 hingga kini. Kumpulan Artis Gomen secara majoritinya di dukung oleh golongan professional seni yakni pensyarah-pensyarah dalam lapangan seni halus, serta beberapa bidang seni yang lain seperti seni reka grafik, fotografi dan perindustrian di Universiti

Teknologi MARA Melaka. Kumpulan ini telah menjalankan beberapa siri program seni yang memusatkan tumpuannya bagi menyebarkan seni ke atas pelbagai kelompok komuniti dengan menasaskan penglibatan komuniti ke atas aktiviti-aktiviti yang telah di rancang.

Antara program seni yang konsisten dibangunkan adalah program seni *Lendu International Art Camp* (LIAC) yang dijalankan di antara tahun 2013 hingga 2016. Program ini telah dijalankan sebanyak tiga kali di sebuah perkampungan Melayu di kawasan DUN Lendu, Alor Gajah, Melaka. Program ini telah mendapat pelbagai sokongan penyertaan dan tajaan samada dalam bentuk kewangan mahu pun bukan berupa kewangan daripada jawatankuasa penduduk, badan berkanun serta orang perseorangan. Pelbagai landasan tema dibentuk merangkumi; LIAC #1: Seni Kampung (2013), LIAC#2: Kenduri Seni Kampung (2014) dan LIAC#3: Melestari Tradisi Hijau (2016). Kajian ini akan berfokus kepada perbincangan aktiviti yang di jalankan dalam siri program LIAC siri ke tiga (LIAC#3) yang dijalankan pada tahun 2016. Sebanyak 14 komponen aktiviti yang dibangunkan secara bersama antara komiti kumpulan Artis Gomen, para pelajar, agensi luar yang terdiri dari Kumpulan Pelukis Negeri Melaka dan juga bersama dengan penduduk serta Jawatankuasa Keselamatan & Kemajuan Kampung (JKKK). Tiga buah kampung telah dilibatkan dalam program ini iaitu; Kampung Lendu, Kampung Durian Daun dan Kampung Durian Daun Barat dengan melibatkan kadar penyertaan dianggarkan lebih kurang seramai 300 orang peserta.

Jadual 1 memperlihatkan pecahan komponen kegiatan serta penglibatan peserta dalam setiap aktiviti yang di laksanakan. Berdasarkan senarai kegiatan yang di bangunkan, kegiatan dapat di bahagikan kepada tiga kelompok; pertama kegiatan yang berbentuk membangunkan proses kreativiti seperti; melukis, projek mural, mencetak pakaian, bengkel foto *shoot*, bengkel membuat tabung buluh, pertandingan mewarna, dan seni persembahan. Kelompok kedua adalah kegiatan bersifat menyemai pengetahuan seni, tradisi & budaya seperti seni anyaman ketupat, lemang dan pameran seni. Manakala kelompok ketiga adalah kegiatan bersifat melestarikan kesihatan dan kesejahteraan meliputi kegiatan gotong royong, senamrobik, pemeriksaan kesihatan, tanaman cili fertigasi serta aktiviti seni gunting rambut.

Jadual 1: Pecahan Aktiviti & Penglibatan Peserta Dalam LIAC#3

No.	Aktiviti	Penglibatan Peserta
1	Aktiviti Melukis; Lukisan in-situ, lukisan Vector	Pelajar
2	Projek Mural	Pelajar Agensi luar Seniman Profesional
3.	Mencetak pakaian	Pelajar
4.	Pertandingan Mewarna Kanak-kanak	Pelajar Warga kampung (kanak-kanak)
5.	Bengkel foto <i>shoot</i>	Pelajar Warga kampung
6.	Projek Tabung Buluh	Pelajar Warga kampung Pengunjung Luar
7.	Seni Persembahan	Pelajar Warga kampung Agensi luar
8.	Seni anyaman ketupat	Warga kampung Pelajar

9.	Lemang	Warga kampung Pelajar Agensi luar Pengunjung Luar
10.	Seni Gunting Rambut	Warga kampung
11.	Senamrobik dan Pemeriksaan Kesihatan	Pelajar Warga kampung Agensi Luar
12.	Tanaman Cili Fertigasi	Warga kampung Pelajar
13.	Gotong royong	Warga kampung
14.	Pameran Seni Visual	Seniman Profesional Seniman Jemputan

Sumber: Kerja Lapangan (2016)

Berdasarkan jadual di atas, kegiatan LIAC#3 terbahagi kepada tiga kelompok, namun keseluruhan peristiwa atau kegiatan yang dibangunkan dilihat sebagai satu unit atau bentuk seni yang terkandung segenap peristiwa atau upacara seni yang di upayakan menjana segenap nilai sosial. Proses pembinaan bentuk seni ini menolak seni yang dianggap sebagai “objek” dengan mengangkat seni sebagai sebuah “perhubungan dan komunikasi”. Pendefinisian ini merujuk kepada sebuah teori bentuk dalam lapangan seni moden kontemporari yang memberi tanggapan seni dalam konteks ini perlu dilihat sebagai sebuah “bentuk” yang terkandung pengalaman, berbanding “objek” semata-mata, di mana seni berupaya menimbulkan proses interaksi melalui partisipasi khalayak. Teori bentuk *‘relational aesthetic’* didefinisikan oleh Nicholas Bourriaud sebagai; “...an art taking as its theoretical horizon the realm of human interactions and its social context, rather than the assertion of an independent and private symbolic space...”. (Bourriaud, 1998, p.14).

Bourriaud (1998) yang membangunkan teori ini menerusi sebuah pameran seni “Traffic” pada tahun 1996 di CAPC Musee d’Art Contemporain de Bordeaux beranggapan seniman merupakan seorang pekerja sosial yang berkebolehan dalam melakukan penambahbaikan baru berkaitan dengan taraf/keadaan kehidupan secara perlahan ke atas masyarakat. Menerusi pembahasannya peranan seniman adalah membentuk sesebuah kegiatan bertujuan menimbulkan dialog yang berlaku dalam sebuah pertemuan antara seniman dan khalayak. Gagasan teori *‘relational aesthetic’* ini disimpulkan oleh Toby Lowe sebagai “Art is a way of exploring and experimenting with new relationships between people” (Lowe, T., 2012, p.6). Tanggapan baru berkaitan dengan bentuk seni yang berpaksi pada segenap komunikasi atau dialog wujud menerusi sebuah pertemuan yang terkandung di dalamnya sebuah pengalaman yang dimiliki secara nyata, ia bukanlah bersifat abstrak seperti mana yang berlaku dalam konteks seni moden (khalayak hanya berperanan sebagai penikmat karya seni). Maka definisi seni terbuka dengan lebih meluas dalam amalan seni ini dengan mengarah peranan seni sebagai alat perubahan serta penghubung sosial yang melibatkan partisipasi khalayak sebagai sebahagian dari proses penciptaan seni.

Projek seni LIAC#3 terbangun menerusi kecenderungan-kecenderungan amalan kesenian berasaskan komuniti atau ‘seni partisipasi’ yang memegang konsep estetika *‘relational aesthetic’*. Tiga aspek anjakan penting dalam amalan seni rupa ini:

1. Anjukkan pengertian subjek seni: Dari seniman sebagai *‘pencipta’* kepada seniman sebagai *‘penganjur’*
2. Anjukkan pengertian objek seni: Dari karya seni sebagai *‘benda’* ke karya seni sebagai *‘hubungan sosial’*

3. Anjakkan pendekatan estetik: Daripada pilihan bentuk seni berdasarkan pertimbangan kerencaman formalistik untuk pemilihan bentuk seni sebagai penjelmaan alat perubahan serta perhubung sosial.

Menerusi tiga pernyataan aspek anjakan ‘bentukan seni’ tersebut, pada dasarnya pemaknaan soal pengalaman estetika dan pengetahuan estetika juga turut berubah. Oleh kerana seniman tidak lagi bekerja sebagai pencipta artifak seni, melainkan lebih sebagai penganjur hubungan sosial, maka pengalaman estetika pun didemokratikkan. Bermaksud, ia tidak terbatas pada pengalaman estetika yang wujud melalui minda seniman dan segelintir peserta sahaja, tetapi amalan ini menyentuh perhubungannya dengan masyarakat yang turut di libatkan dalam membangunkan kerja-kerja seni. Demikian pula dengan pengetahuan estetika yang menjelma ke dalam penilaian ke atas karya seni. Di situ tidak lagi berlaku penilaian bersifat teknikal atas keindahan komposisi suatu karya, melainkan penilaian atas pengaruhnya bagi kehidupan orang ramai atau masyarakat. Oleh itu, pengetahuan estetik seni tidak lagi ilmu khusus disokong oleh keluhuran bentukan dari aspek formalistik seni tetapi menjadi sebahagian daripada pengetahuan umum dalam masyarakat ke arah meningkatkan realiti sosial di sekelilingnya.

Dimensi penglibatan yang menandakan perhubungan dan pengalaman estetika inilah yang menjadi dasar dari ‘*relational aesthetic*’ dan meletakkan LIAC#3 membangunkan segenap nilai sosial dalam kegiatannya. Dapatan kajian menerusi soal selidik yang dijalankan ke atas peserta yang terlibat secara langsung dalam projek LIAC#3 memperlihatkan terdapat pembangunan modal sosial bercirikan aspek perpaduan sosial dalam kalangan anggota yang terlibat. Perpaduan dalam konteks kajian ini adalah melibatkan pengukuran pengukuhan hubungan antara peserta yang terlibat secara langsung dalam melakukan kegiatan-kegiatan dalam LIAC#3. Nilai perpaduan sosial ini ditemui menerusi jadual 2 hingga 5. Analisis pengukuran perpaduan sosial dalam kalangan peserta yang terlibat melibatkan perbandingan di antara empat kategori peserta iaitu; orang kampung, pelajar, agensi luar dan pengunjung luar. Jadual 2 menunjukkan taburan kekerapan nilai sosial “menjalin ukhuwah baharu” yang di temui dalam LIAC#3.

Berdasarkan Jadual 2, taburan kekerapan bagi skala “Setuju” mencapai aras tertinggi dalam kalangan tiga kategori peserta iaitu orang kampung sebanyak 50.8%, pelajar 51.0% dan pengunjung luar 54.5%. Manakala taburan kekerapan bagi nilai “Sangat Setuju” bagi kategori agensi luar memaparkan nilai tertinggi iaitu 61.5%. Tiada responden yang melaporkan tidak bersetuju bagi pemboleh ubah ini. Secara keseluruhannya, peserta bersetuju bahawa melalui aktiviti LIAC#3 proses membina jambatan ukhuwah baharu dapat ditimbulkan menerusi kegiatan-kegiatan yang telah di tawarkan dalam program tersebut.

Jadual 2: Nilai Perpaduan Sosial “Menjalin Ukhuwah Baharu”

Kategori Peserta	Orang kampung		Pelajar		Agensi Luar		Pengunjung Luar	
	f	%	f	%	f	%	f	%
Sangat Setuju	25	42.4	31	31.6	8	61.5	10	45.5
Setuju	30	50.8	50	51.0	4	30.8	12	54.5
Sederhana Setuju	2	3.4	16	16.3	1	7.7	0	0
Tidak Setuju	0	0	0	0	0	0	0	0
Sangat Tidak Setuju	0	0	0	0	0	0	0	0
Jumlah	57	100.0	97	100.0	13	100.0	22	100.0

Sumber: Kerja Lapangan (2016)

Jadual 3 di bawah menunjukkan taburan kekerapan dalam meningkatkan solidariti perpaduan iaitu merapatkan ukhawah antara warga. Bagi kategori ini peserta dari agensi luar mencapai skala tertinggi sebanyak 61.5% bagi kategori “sangat setuju”. Manakala bagi kategori “setuju” peserta dalam kalangan pelajar mencapai peratusan tertinggi dengan nilai 60.2%, diikuti pengunjung luar 54.5%, dan orang kampung 45.8%. Walau bagaimanapun dalam indikator ini, walaupun kategori agensi luar melebihi dari peratusan kekerapannya, namun taburan kekerapan dari orang kampung di ambil sebagai nilai kekerapan tertinggi berdasarkan bilangan responden n (28) berbanding n (8). Skor tertinggi bagi skala “setuju” di dominasi kategori pelajar, memaparkan sebanyak 60.2% diikuti dengan pengunjung luar 54.5%. Terdapat seorang responden sahaja dalam kategori pengunjung luar yang menyatakan skala “Sangat Tidak Bersetuju” bagi pemboleh ubah ini. Secara keseluruhannya, program ini berjaya membangunkan nilai merapatkan perhubungan sesama warga peserta.

Jadual 3: Nilai Perpaduan Sosial “Merapatkan Ukhawah Antara Warga”

Kategori Peserta	Orang kampung		Pelajar		Agensi Luar		Pengunjung Luar	
	<i>f</i>	%	<i>f</i>	%	<i>f</i>	%	<i>f</i>	%
Sangat Setuju	28	47.5	23	23.5	8	61.5	9	40.9
Setuju	27	45.8	59	60.2	2	15.4	12	54.5
Sederhana Setuju	2	3.4	16	16.3	3	23.1	0	0
Tidak Setuju	0	0	0	0	0	0	0	0
Sangat Tidak Setuju	0	0	0	0	0	0	1	4.5
Jumlah	57	100.0	97	100.0	13	100.0	22	100.0

Sumber: Kerja Lapangan (2016)

Jadual 4 merujuk kepada nilai taburan kekerapan bagi indikator membangun jalinan perhubungan erat dalam kalangan peserta bersama pentadbir setempat. Penilaian ke atas peningkatan perhubungan yang dibangunkan menerusi projek LIAC#3 menunjukkan taburan kekerapan tertinggi bagi skala “sangat setuju” sebanyak 40.7% diperolehi menerusi kategori peserta dari kalangan orang kampung. Bagi kategori peserta yang lain, pandangan turut diambil kira dan menunjukkan peratusan kekerapan yang tinggi adalah pada skala “setuju” iaitu di antara skala 63.6% dan terendah 30.8%. Taburan kekerapan lain menunjukkan terdapat beberapa responden kurang bersetuju, namun peratusan sangat rendah dengan kadar diantara 1.0% hingga 7.1%.

Jadual 4: Nilai Perpaduan Sosial “Menjalin Perhubungan Erat Bersama JKKK”

Kategori Peserta	Orang kampung		Pelajar		Agensi Luar		Pengunjung Luar	
	<i>f</i>	%	<i>f</i>	%	<i>f</i>	%	<i>f</i>	%
Sangat Setuju	24	40.7	19	19.4	5	38.5	7	31.8
Setuju	28	47.5	42	42.9	4	30.8	14	63.6
Sederhana Setuju	5	8.5	29	29.6	4	30.8	0	0
Tidak Setuju	0	0	7	7.1	0	0	0	0
Sangat Tidak Setuju	0	0	1	1.0	0	0	1	4.5
Jumlah	57	100.0	97	100.0	13	100.0	22	100.0

Sumber: Kerja Lapangan (2016)

Penglibatan dalam perancangan penganjuran LIAC#3 dengan melibatkan diri sebagai sebahagian jawankuasa kegiatan dalam kalangan ahli JKKK tiga buah kampung, bersama

Artis Gomen berupaya membuka ruang bagi menjalin perhubungan baru serta membentuk jaringan keterikatan sosial dalam kalangan pemimpin, warga kampung serta masyarakat luar. Shatar Sabran (2003) menggariskan nilai kepimpinan yang baik adalah yang mampu untuk memberi galakkan serta motivasi dan keyakinan ke atas sesebuah organisasi atau masyarakat untuk saling menyokong hasrat sesuatu matlamat yang ingin dicapai. Proses membangunkan nilai perpaduan yang baik dalam sebuah komuniti mahu pun masyarakat, mencirikan sesebuah kegiatan seharusnya memiliki ciri-ciri penyatuan dan kerjasama erat di antara pentadbir dan komuniti yang ditadbir agar matlamat projek akan mudah tercapai. Selain itu, kepimpinan merupakan aset penting dalam usaha membina perpaduan seterusnya membangunkan sebuah komuniti yang berdaya saing.

Jadual 5: Nilai Perpaduan Sosial “Menjalin Perhubungan Bersama Pentadbir Dun Lendu”

Kategori	Orang kampung		Pelajar		Agensi Luar		Pengunjung Luar	
	<i>f</i>	%	<i>f</i>	%	<i>f</i>	%	<i>f</i>	%
Sangat Setuju	26	44.1	16	16.3	5	38.5	7	31.8
Setuju	26	44.1	42	42.9	4	30.8	12	54.5
Sederhana Setuju	4	6.8	32	32.7	4	30.8	3	13.6
Tidak Setuju	0	0	8	8.2	0	0	0	0
Sangat Tidak Setuju	1	1.7	0	0	0	0	0	0
Jumlah	57	100.0	97	100.0	13	100.0	22	100.0

Sumber: Kerja Lapangan (2016)

Manakala nilai kepimpinan yang baik oleh pentadbir DUN Lendu nyata dapat di peroleh menerusi projek LIAC#3. Dapatan ini disokong berdasarkan analisis yang dipaparkan di dalam Jadual 5 yang menunjukkan nilai taburan kekerapan bagi skala “sangat setuju” menunjukkan nilai kekerapan tertinggi 44.1% di kalangan orang kampung. Peserta lain memperlihatkan taburan kekerapan konsisten pada skala “setuju” iaitu di antara 30.8% hingga 54.5%. Walau bagaimanapun, terdapat responden yang menyatakan tidak bersetuju dengan pemboleh ubah ini dalam kalangan peserta kategori pelajar 8.2% dan orang kampung 1.7%. Namun peratusan ini sangat kecil dan tidak memberi implikasi besar dalam pemboleh ubah ini.

Berdasarkan hasil analisis keempat-empat pemboleh ubah yang dibangunkan bagi mengukur indikator perpaduan sosial digabungkan bagi melihat min iaitu purata tertinggi yang diperolehi bagi keempat-empat pemboleh ubah bagi setiap kategori. Berdasarkan statistik yang ditunjukkan dalam Jadual 6, secara keseluruhannya min yang tercatat bagi setiap kategori peserta adalah tinggi iaitu melebihi nilai 3.0 dengan purata keseluruhan min melebihi nilai 4.0. Bagi kategori Orang Kampung, min tertinggi yang ditemui adalah pada pemboleh ubah “Merapatkan Ukhuwah Antara Warga” dengan nilai min 4.46. Manakala bagi kategori peserta lain, pemboleh ubah bagi “Menjalin Ukhuwah Baru” mencatatkan nilai tertinggi berbanding tiga pemboleh ubah yang lain iaitu; Pelajar (4.56), Agensi Luar (4.54) dan Pengunjung Luar (4.45). Justeru dua pemboleh ubah iaitu “Menjalin Ukhuwah Baru” dan “Merapatkan Ukhuwah Antara Warga” merupakan dapatan kajian yang tertinggi dipersetujui di alami oleh majoriti peserta yang terlibat dalam program LIAC#3. Secara keseluruhannya, program LIAC#3 berjaya dalam membentuk jaringan perhubungan sosial melalui aktiviti yang ditawarkan, seterusnya modal perpaduan sosial terbina dalam kalangan peserta terlibat.

Jadual 6: Output Statistik Min bagi Nilai Perpaduan Sosial-LIAC#3

Kategori	Orang kampung			Pelajar			Agensi Luar			Pengunjung Luar		
	N	Min	std. Devtn	N	Min	std. Devtn	N	Min	std. Devtn	N	Min	std. Devtn
Menjalin Ukhuwah Baharu	57	4.4	0.563	98	4.56	4.082	13	4.54	0.66	22	4.45	0.51
Merapatkan Ukhuwah Antara Warga	57	4.46	0.569	98	4.07	0.63	13	4.38	0.87	22	4.32	0.716
Menjalin perhubungan Erat Bersama JKKK	57	4.33	0.636	98	3.72	0.894	13	4.08	0.862	22	4.18	0.853
Menjalin perhubungan Bersama Pentadbir Dun Lendu	57	4.33	0.764	98	3.67	0.847	13	4.08	0.862	22	4.18	0.664

Sumber: Kerja Lapangan (2016)

KESIMPULAN

Lanjutan penyebaran idealisme “seni untuk masyarakat” telah membangkitkan perubahan paradigma dalam medan seni rupa di Malaysia. Seniman telah mula membentuk pengkaryaan selaras dengan gagasan yang di ingini dalam DKKK, dengan bukan hanya kembali semula menerapkan nilai, adat, warisan dan budaya setempat, malahan menitik beratkan penglibatan masyarakat ke atas setiap aktiviti pengkaryaan yang di bangunkan. Hala tuju bentuk seni rupa baru yang menganjurkan penekanan kepada proses membangunkan hubungan, berbanding aspek bentuk semata-mata memberi lebih ruang dan peluang bagi masyarakat serta komuniti yang dilibatkan secara terus, mendekati dan mengenali akan apa itu seni, terutamanya bidang seni rupa yang dikatakan cenderung bersifat elitis dan eksklusif.

Namun, usaha-usaha dalam melebarkan seni ke pangkuan masyarakat atau lebih tepat lagi mengembalikan seni ke landasan sosial membabitkan satu kemahiran dan strategi mampan dalam merangka serta melaksanakan sebarang bentuk kegiatan berlandaskan kesenian. Strategi bagi menarik penglibatan menyeluruh ke atas bentuk kesenian yang dibangunkan memerlukan perancangan pengendalian aktiviti secara tepat, terarah kepada mewujudkan proses interaksi-komunikasi yang berkesan dalam kalangan peserta atau komuniti yang dilibatkan. Hasil kajian ini, mendedahkan beberapa potensi bagi membangunkan ‘nilai perpaduan sosial’ atau solidariti di kalangan peserta yang terlibat melalui projek seni berlandaskan komuniti LIAC#3. Proses ‘partisipasi’ yakni penglibatan ke atas ketiga- tiga kelompok aktiviti yang dibangunkan merangkumi; pertama “membangunkan proses kreativiti”, kedua “menyemai pengetahuan seni tradisi & budaya” serta ketiga “melestarikan kesihatan dan kesejahteraan” berupaya menjalin bentuk perhubungan baru, mengeratkan silaturahim antara warga setempat, menganjurkan serta memupuk kepada sikap penyatuan aspek kerjasama, toleransi, kemuafakatan, serta sikap bertanggungjawab di kalangan peserta terlibat.

Elemen interaksi dan komunikasi berkesan di antara peserta, pentadbir dan organisasi (penganjur program) dalam merencana bentuk kegiatan serta proses pelaksanaan kegiatan seni yang dibangunkan, digariskan sebagai antara indikator terpenting bagi menjana serta membangkitkan sentimen dan ikatan perpaduan di kalangan warga terlibat. Kehilangan elemen tersebut akan merencatkan kecintaan penyertaan dalam aktiviti yang dianjurkan seterusnya mempengaruhi akan impak sosial yang cuba dibangunkan dalam kalangan peserta terlibat. Permasalahan ini dapat ditemui menerusi beberapa aktiviti dalam LIAC#3 yang dilihat kurang mendapat perhatian dari kalangan penduduk setempat. Hal ini berikutan objektif dan matlamat ke atas kegiatan yang dibangunkan tidak jelas serta kabur selain faktor perkongsian sebaran maklumat yang lewat serta kurang *efisien*. Kehilangan daya penarik, seperti nilai estetik-artistik sebagai pendekatan dalam membangunkan sesuatu kegiatan turut menjejaskan impak bagi mengembalikan seni sebagai alat perubahan serta penghubung ke konteks sosial.

Kelemahan-kelemahan ini dapat di atasi melalui penekanan aspek perancangan yang teliti, jangka masa program yang lebih panjang serta pemilihan aktiviti yang benar-benar dapat membangkitkan isu, nilai atau identiti setempat. Selain itu, ciri-ciri yang mengarah kepada proses kerja seni secara kolaborasi atau menautkan elemen interaksi dan komunikasi berkesan akan merangsang ke arah membuka ruang penyertaan yang lebih meluas dalam kalangan komuniti yang ingin dilibatkan.

PENGHARGAAN.

Penulis ingin merakamkan sekalung penghargaan kepada kumpulan seniman Artis Gomen, Y.B Datuk Hj. Sulaiman Md Ali Ahli DUN Lendu merangkap Timbalan Exco Perancangan Ekonomi, Pelaburan dan Industri, Jawatankuasa Keselamatan & Kemajuan Kampung (JKKK) (Kampung Lendu, Kampung Durian Daun & Kampung Durian Daun Darat), Kumpulan Pelukis Negeri Melaka, pelajar-pelajar UiTM Melaka serta orang kampung yang terlibat dalam sesi soal selidik dan juga temu bual yang dijalankan pada 28 Disember 2016 di Kampung Durian Daun, Masjid Tanah, Melaka.

RUJUKAN

- Antoinette, M., (2013). Wawasan-wawasan berbeza: karya dan pameran seni rupa kontemporari Malaysia pada 1990an dan tahun-tahun berikutnya. Dlm. Nur Hanim Khairuddin, Y. Beverly, T. K. Sabapathy. 2013. *Reaksi Strategi kritikal baru naratif seni rupa Malaysia (2nd. ed.)*. Kuala Lumpur: RogueArt
- Belfiore, E., & Bennett, O., (2008). *The social impact of the arts: An intellectual history*. Basingstoke: Palgrave MacMillan.
- Bishop, C., (2012). *Artificial hells : participatory art and the politic of spectatorrship*. London: Verso.
- Bourriaud, N. (1998). *Relational Aesthetics*. (ed.english) Pleasance. S., Woods. F. (2002). Perancis: Les presses du r'eel.
- Bourdieu, Pierre. (1986). *The forms of capital*. Dlm. J. Richardson, ed. *Handbook of theory and Research for the Sociology of Education*. Westport, CT: Greenwood Press.
- Evans, M., (2003). Community development-a policy for social change? Master thesis, Department of Arts, School of Creative Arts. Melbourne: University of Melbourne.

- Guetzow, J., (2002). How the arts impact communities: An introduction to the literature on arts impact studies. Centre for arts and Cultural Policy Studies, Working Paper 20. Princeton University.
- Hanifan, L.J., (1916). The rural school community center. *Annals of the American Academy of Political and Social Science* 67:130-138.
- Health Development Agency. (2000). Art for health: A review of good practice in community based arts projects and initiatives which impact on health and well-being, HAD London.
- Jermyn, H., (2001). Proposed evaluation framework for the arts council of England's social inclusion research programed. Unpublished.
- Kreml, S., (2002). The five dimension of community. Perth: Community Arts Network (WA).
- Lee, D., (2013). How the arts generate social capital to foster intergroup social cohesion. *The Journal Of Arts Management, Law & Society*, 43, 4–17.
- Lowe, T., (2012). A quality framework for Helix Arts' participatory, Helix Art Report, (July: 1–12). Newcastle: United Kingdom.
- Mallonee, L.D., (2010). Capturing community value: The role of local arts organizations in revitalization, civic engagement, and community-building. Master thesis, Arts & Administration program. Oregon: University of Oregon.
- Matarasso, F., (1997). Use or ornament? The social impact of participation in the arts. Stroud: Comedia.
- Mohammad Shatar Sabran., (2003). Model pembangunan komuniti. *Pertanika J. Soc. Sci. & Hum* 11 (2): 135–145.
- Moriarty, P., (2004). *Immigrant participatory arts: An insight into community-building in Silicon Valley*. San Jose, CA: Culture Initiatives Silicon Valley.
- Nur Hanim Khairuddin., (2016). Seni di pinggir masyarakat. Dlm Nur Hanim Khairuddin, Young, B., Joseph, R., Tengku Sabri Ibrahim (peny.), *Infrastruktur Naratif Seni Rupa Malaysia* (hal. 179-185). Kuala Lumpur: RougeArt
- Onyx, J. & Bullen, P., (2000). Measuring social capital in five communities. *Journal of Applied Behavioral Science*, 36 (1):23-42.
- Putnam, R. D., (1993). *The prosperous community: social capital and public life*. The American Prospect, 13(Spring): 35-42
- Reeves, M., (2002). *Measuring the economic and social impact of the arts: a review*. London: Arts Council of England.
- Rusydi Syahra., (2003). Modal sosial: Konsep dan Aplikasi. *Jurnal Masyarakat dan Budaya*, 5(1): 1-22.
- Shafrizal Shahir., (2013). Dinamisme dan kecanggihan: seni moden Malaysia dekad 1970an. Dlm. Nur Hanim Khairuddin, Y. Beverly, T. K. Sabapathy. 2013. *Reaksi Strategi kritikal baru naratif seni rupa Malaysia (2nd. ed.)*. Kuala Lumpur: RogueArt
- Simon, Soon., (2013). Sekeping kanvas kosong yang telah disentuh ribuan bayangan. In *Reaksi –Strategi Kritikal Baru: Naratif Seni Rupa Malaysia*, edited by Nur Hanim Khairuddin and Y. Beverly, Vol.2 (Kuala Lumpur: Rogue Art), pp. 62-78.
- Williams, D., (1996). Creating social capital: A study of the long-term benefits from community-based arts funding. Adelaide: Community Arts Networks of South Australia.
- Williams, D., (1997). How art measure up: Australia research into social impact of the arts. The Social Impact of the Arts, Working Paper 8. Stroud; Comedia.
- Yap Sau Bin., (2013). Membicarakan semula ruang: lokasi, ruang dan tempat dalam seni rupa kontemporari Malaysia. Dlm. Nur Hanim Khairuddin & Beverly Yong (ed.). *Reaksi*

Strategi Kritikal Baru: naratif seni rupa Malaysia Jilid 2 350-364. Kuala Lumpur:
Rouge Art.

Diana Ibrahim,

Calon Doktor Falsafah di Pusat Kelestarian Warisan dan Kebudayaan Melayu,
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia.
dianaibrahim001@gmail.com

Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff (PhD),

Pensyarah Kanan di Pusat Kelestarian Warisan dan Kebudayaan Melayu,
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia.
yuszaidy@ukm.edu.my

Yusmilayati Yunos (PhD),

Pensyarah Kanan di Pusat Kelestarian Warisan dan Kebudayaan Melayu,
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia.
yusmila@ukm.edu.my

Rosli Zakaria (PhD),

Pensyarah Kanan di Jabatan Seni Halus,
Fakulti Seni Lukis & Seni Reka,
Universiti Teknologi MARA, Alor Gajah, Melaka, Malaysia.
roslizakaria@yahoo.com